

## **LAMPIRAN 1-1**

### **PANDUAN MENULIS PERNYATAAN PROFESIONAL / KONTRAK AKTIVITI PENGALAMAN BERASASKAN SEKOLAH**

#### **1. Pengenalan**

Pernyataan profesional / kontrak aktiviti merujuk kepada harapan/ aktiviti yang ditetapkan sendiri oleh pelajar untuk dilaksanakan dalam tempoh PBS. Fokus tertentu perlu ditetapkan oleh pelajar dalam melaksanakan aktiviti tersebut bagi mencapai objektif yang diharapkan. Setiap fokus aktiviti hendaklah dapat diukur dan dinilai sendiri oleh pelajar di peringkat akhir.

#### **2. Tujuan Pernyataan Profesional**

2.1 Menyatakan fokus aktiviti yang hendak dilaksanakan dengan jelas

2.2 Membantu pelajar merancang strategi pelaksanaan aktiviti yang difokuskan dengan sistematik

2.3 Membolehkan pelajar mengukur dan menilai keberkesanan pelaksanaan aktiviti yang difokuskan

2.4 Menjadi asas dan panduan kepada pelajar untuk membuat tindakan susulan / penambahbaikan

#### **3. Pernyataan Profesional**

3.1 Sebelum PBS

- a. Kenal pasti fokus utama tugas.
- b. Tujuan tugas.
- c. Merancang strategi pelaksanaan.
- d. Instrumen penilaian sendiri.

3.2 Semasa PBS

- a. Melaksanakan tugas / strategi yang dirancang.
- b. Mengumpul dan merekod maklumat.

3.3 Selepas PBS (refleksi)

- a. Menilai.
- b. Melapor.

#### **4. Penilaian Kendiri Terhadap Pernyataan Profesional**

- a. Pencapaian objektif
- b. Cadangan tindakan susulan / penambahbaikan

## PANDUAN PENYEDIAAN PORTFOLIO PENGALAMAN BERASASKAN SEKOLAH

### 1. Pengertian Portfolio

- a. Portfolio atau profil profesional merupakan koleksi dokumen yang memberi gambaran tentang seorang profesional dari segi:
  - i. Pengetahuan
  - ii. Kemahiran
  - iii. Pengalaman
  - iv. Kelayakan
  - v. Matlamat dan pencapaian
- b. Satu bentuk sejarah pencapaian pelajar yang didokumentasikan dan diperkukuh dengan bukti-bukti hasil kerjanya dan kesedaran baharu melalui penulisan reflektif. (Shulman, 1992).

### 2. Tujuan Portfolio

- a. Mendokumentasikan kemahiran dan pengetahuan melalui pengalaman dalam PBS.
- b. Sebagai landasan komunikasi antara pelajar, pensyarah dan mentor untuk menilai.
- c. Perkembangan profesionalisme pelajar.
- d. Memberi ruang kepada pelajar membuat refleksi dan mendapat pengetahuan dan pengalaman baharu.
- e. Membudayakan proses pengumpulan maklumat dan dokumen secara sistematik dan profesional.

### 3. Ciri-Ciri Portfolio

- a. Pelajar mestilah melaksanakan refleksi sendiri pada akhir portfolio.
- b. Portfolio mestilah hasil asli daripada pelajar.
- c. Kandungan portfolio mestilah berbeza pada setiap fasa PBS.
- d. Mengandungi maklumat yang menggambarkan proses pelaksanaan, perkembangan dan penilaian dalam melaksanakan setiap tugas.

### 4. Tanggungjawab Pelajar Dalam Penyediaan Portfolio

- a. Menyediakan portfolio yang kemas kini berdasarkan kandungan portfolio.
- b. Menyerahkan portfolio kepada pensyarah kursus untuk disemak.

**KANDUNGAN PORTFOLIO  
PENGALAMAN BERASASKAN SEKOLAH**

Bil	Tajuk	Item	Tandakan ✓
1	Biodata	1.1 Nama IPGK	
		1.2 Gambar	
		1.3 Nama Pelajar	
		1.4 No. Kad Pengenalan	
		1.5 Alamat dan No. Telefon	
		1.6 E-mel	
		1.7 Ambilan dan Pengkhususan	
		1.8 Tahun dan Semester : Tahun____ Semester____	
		1.9 Tarikh PBS:	
		1.10 Nama Pensyarah	
2	Pernyataan Profesional / Kontrak Aktiviti (Lampiran 1-1)	2.1 Pernyataan sebelum PBS	
		2.2 Laporan pelaksanaan aktiviti yang difokus	
3	Instrumen Pengumpulan Data Berhubung Tugas (pilih yang sesuai)	3.1 Pemerhatian	
		3.2 Senarai semak	
		3.3 Temu bual	
		3.4 Soal selidik	
4	Kolaboratif (Lampiran 1-3)	4.1 Perbincangan dengan pengurus sekolah	
		4.2 Perbincangan dengan mentor	
		4.3 Perbincangan dengan guru-guru lain	
		4.4 Perbincangan dengan kakitangan sekolah	
		4.5 Interaksi dengan murid	
5	Ilmu / Pengetahuan Baru Melalui	5.1 Pemerhatian	
		5.2 Senarai semak	
		5.3 Temu bual	
6	Refleksi (Lampiran 1-4)	6.1 Aktiviti	
		6.2 Perbincangan/Interaksi	
7	Laporan Akhir		

Ulasan Pensyarah:

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

Tandatangan : \_\_\_\_\_

Tarikh: \_\_\_\_\_

Nama : \_\_\_\_\_

**REKOD KOLABORATIF / INTERAKSI / PERBINCANGAN**  
(Pengurus sekolah / guru / pensyarah / kakitangan sekolah / murid yang ditemu bual)  
**PENGALAMAN BERASASKAN SEKOLAH**

Tarikh : \_\_\_\_\_ Masa : \_\_\_\_\_

Tajuk / Perkara : \_\_\_\_\_

Isi Perbincangan	Cadangan Tindakan

Tandatangan : \_\_\_\_\_

Nama : \_\_\_\_\_

Jawatan : \_\_\_\_\_

## PENULISAN REFLEKSI PENGALAMAN BERASASKAN SEKOLAH

### 1. Definisi Refleksi

- a. Proses merenung, menganalisis, mencari alasan, cadangan dan tindakan untuk memperbaiki diri yang dilakukan secara berterusan (Hanipah, 1999).
- b. Amalan refleksi merupakan perlakuan memikirkan pengalaman pelajar semula. Ia memerlukan penerokaan unsur-unsur yang ketara dan tersirat. Proses ini membuat andaian sebab musabab berasaskan fakta melalui pemerhatian, temu bual dan soal selidik.
- c. Refleksi dalam PBS membolehkan pelajar dibimbing untuk menaakul, memilih strategi pelaksanaan tugas dan seterusnya membuat penilaian sendiri. Amalan refleksi ini membolehkan pelajar menghayati dan meningkatkan profesionalisme keguruan secara efektif.

### 2. Tujuan Refleksi

- a. Pelajar dapat mengesan keberkesanan pelaksanaan setiap tugas yang dilaksanakan.
- b. Pelajar dapat menjadikan refleksi sebagai asas untuk menambah baik dan meningkatkan kualiti setiap tugas secara berterusan.
- c. Memperkembang keupayaan celik akal pelajar bagi melahirkan kreativiti dan inovasi dalam setiap tugas yang dijalankan.
- d. Meningkatkan kualiti insan guru yang mempunyai ilmu profesional keguruan.

### 3. Ciri-ciri Refleksi

- a. Bermula dengan mengingat kembali.
- b. Melibatkan perasaan (domain afektif) terhadap sesuatu.
- c. Menentukan usaha secara sedar (conscious effort).
- d. Bersedia mengubah sikap, kesedaran diri, amalan dan tingkah laku positif.

### 4. Amalan Refleksi / Penilaian Kendiri Dalam PBS

Refleksi ialah proses mengkaji semula keberkesanan pelaksanaan PBS oleh pelajar sendiri untuk mempertingkatkan kemahiran keguruan. Antara garis panduan yang boleh dilaksanakan ialah:

- 4.1 Hendaklah dibuat selepas setiap aktiviti yang dijalankan oleh pelajar seperti membincangkan:
  - a. Sejauh manakah objektif aktiviti yang dirancang dan dilaksanakan tercapai?
  - b. Apakah kekuatan dan kelemahan yang dapat dikenal pasti ?
  - c. Apakah langkah-langkah yang boleh difikirkan untuk memperbaiki pelaksanaan aktiviti tersebut ?
  - d. Apakah faktor-faktor yang dapat membantu dalam meningkatkan atau menambah baik pelaksanaan aktiviti tersebut ?
- 4.2 Melaksanakan proses refleksi berpandukan format refleksi (**Lampiran 1-5**).

**AMALAN REFLEKSI  
PENGALAMAN BERASASKAN SEKOLAH**

*( Perlu disediakan bagi setiap aktiviti yang dijalankan oleh pelajar)*

1. Isu / Perkara yang difokuskan:

2. Analisis Isu / Perkara yang difokuskan:

2.1 Kekuatan:

2.2 Kelemahan:

3. Cadangan Penambahbaikan:

*(Sila simpan maklumat ini di dalam portfolio anda)*

## MAKLUMAT UMUM SEKOLAH

1. **ARAHAN:** Lengkapkan maklumat yang disenaraikan dalam borang berikut:

Bil	Perkara	Catatan / data				
1	Nama dan Alamat Sekolah					
2	No. Telefon Sekolah					
3	Alamat e-mel / Web Sekolah					
4	Lokasi (Bandar / Luar Bandar)					
5	Nama Pengurus Sekolah					
6	Nama PK Pentadbiran					
7	Nama PK HEM					
8	Nama PK Kokurikulum					
9	Nama Penyelia Petang					
10	Gred Sekolah					
11	Bilangan Guru	Lelaki:				
		Perempuan:				
12	Bilangan Guru Mengikut Kelayakan Akademik	Siswazah:				
		Bukan Siswazah:				
13	Bilangan Kelas					
14	Purata Saiz Kelas	_____orang				
15	Jumlah Murid  <input type="text"/>		Melayu	Cina	India	Lain-lain
		Lelaki				
		Perempuan				
16	Maklumat-maklumat lain yang menarik perhatian anda tentang sekolah ini					

## **Aktiviti PBS**

2. Persekitaran dan Suasana Bilik Darjah
  - a. Lukiskan pelan bilik darjah semasa membantu mentor melaksanakan PdP.
  - b. Huraikan cara-cara bahan dan sumber PdP dipamerkan di bilik darjah tersebut digunakan secara berkesan.
  - c. Catatkan bahan dan sumber PdP yang mudah digunakan oleh murid?
  - d. Adakah murid diberi peluang menggunakan sumber pembelajaran yang berasaskan TMK ?
  - e. Sejauh manakah murid digalakkan melibatkan diri secara aktif dalam setiap aktiviti pembelajaran?
  - f. Bagaimanakah murid-murid dibahagikan kepada kumpulan tertentu ?



**CONTOH FORMAT PENYEDIAAN TUGASAN PENGALAMAN BERASASKAN SEKOLAH**

- 1 Tajuk tugas berdasarkan topik dalam kurikulum kursus yang ditawarkan pada setiap semester.
- 2 Menyatakan objektif tugas yang hendak dicapai dengan jelas.
- 3 Kandungan tugas yang dicadangkan:
  - a. Tugas yang diberikan mestilah melibatkan tugas harian yang perlu dijalankan semasa PBS.
  - b. Fokus tugas ialah:
    - i. Ringkasan Maklumat Kursus / Modul.
    - ii. meliputi unsur pemerhatian terhadap P&P.
    - iii. melibatkan tugas di dalam dan di luar bilik darjah.
    - iv. mengenai persekitaran sekolah (termasuk iklim dan budaya sekolah).
    - v. meliputi sumber P&P.
    - vi. meliputi strategi P&P / kemahiran mengajar.
4. Format Penulisan Laporan Tugas.

Rujuk Buku Panduan Kerja Kursus

  - a. Tarikh penyerahan penulisan tugas (2 minggu selepas tamat tempoh PBS) dan diserahkan kepada pensyarah jabatan yang menyediakan tugas.
5. Refleksi selepas PBS dikendalikan oleh pensyarah jabatan yang terlibat.

**Nota: Tiada tugas lain** diberikan kepada pelajar selain tugas PBS yang telah ditetapkan.

INSTITUT PENDIDIKAN GURU KAMPUS \_\_\_\_\_

**BORANG KEHADIRAN  
PENGALAMAN BERASASKAN SEKOLAH**

Nama Sekolah : \_\_\_\_\_

Alamat Sekolah : \_\_\_\_\_

Tarikh PBS : \_\_\_\_\_ hingga \_\_\_\_\_

Bil	Nama Pelajar	No. KP	Pengkhususan	Tarikh				
1								
2								
3								
4								
5								
6								

Catatan:

- ❖ Ketua kumpulan diminta menghantar borang kehadiran ini ke **Unit Praktikum IPG** selepas tamat Pengalaman Berasaskan Sekolah
- ❖ Ketidakhadiran mesti disertakan dengan **sijil cuti sakit** atau **surat kebenaran** daripada Pengarah / Timbalan Pengarah IPG

Tandatangan Ketua Kumpulan : \_\_\_\_\_

Nama : \_\_\_\_\_

Pengesahan Pengurus Sekolah:

Tandatangan \_\_\_\_\_

Cap Sekolah:

Tarikh : \_\_\_\_\_

**PENGALAMAN BERASASKAN SEKOLAH  
LAPORAN PERKEMBANGAN PELAJAR**  
(Diisikan oleh Pengurus Sekolah)

Nama Pelajar : \_\_\_\_\_ No. K.P. : \_\_\_\_\_

Pengkhususan : \_\_\_\_\_ Ambilan : \_\_\_\_\_

Aspek		Tandakan (✓)			Ulasan
		Lemah	Sederhana	Baik	
Sahsiah dan Perwatakan	a) Penampilan diri				
	b) Pekerti				
	c) Keprihatinan				
	d) Sifat sebagai pendidik				
Komunikasi Berkesan:	a) Berinteraksi secara beretika				
	b) Keupayaan berbincang dan membuat refleksi				
	c) Keupayaan menyampaikan idea				
Budaya Profesional Guru:	a) Keupayaan membina hubungan positif				
	b) Usaha untuk mendapatkan ilmu dan bimbingan				
	c) Komited terhadap tugas				
Ulasan Keseluruhan					

Tandatangan Pengurus Sekolah : \_\_\_\_\_ Cap Sekolah:

Tarikh \_\_\_\_\_